

LATIHAN
ANALISIS KESALAHAN BAHASA

Contoh latihan :

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini .Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Sukan memainkan peranan yang **terpenting sekali** untuk kesihatan badan dan kecergasan otak. Sebelum orang sedar akan kepentingan sukan kepada status individu dan ekonomi negara, peranan sukan sebagai **ejen** kesihatan tubuh badan sudah **dikenalpasti**. **Untuk mendapat badan yang sihat mestilah rajin melibatkan diri dalam sukan, sama ada sukan berat atau ringan**. Dengan bersukan, kita bukan sahaja akan **merasa** sihat dan segar, tetapi juga terhindar daripada **pelbagai penyakit-penyakit** yang berbahaya seperti penyakit jantung dan kanser. Kita tidak perlu melibatkan diri secara profesional, cukup sekadar bersenam tiga kali seminggu dengan **tiap** sesi 10 minit.

AYAT	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN
1			
2			
3			
4			
5			

LATIHAN 1

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Ubat-ubatan moden masa kini terdiri daripada lebih 30 peratus bahan yang berasal dari tumbuhan. Dijangkakan sumber baru ubat-ubatan pada masa hadapan akan banyak bergantung kepada hasil penemuan kajian yang dilakukan terhadap bahan tumbuhan yang digunakan di dalam perubatan tradisional. Malah, tidak hairanlah jika sekiranya terdapat berita pengkaji Jepun telah mendakwa yang mereka menemui bakal ubat AIDS yang berasal daripada tumbuhan iaitu kangkung liar. Kangkung liar ini banyak terdapat di Indonesia dan Malaysia yang dikenali dengan nama saintifiknya *Merimia Mammosa*.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

LATIHAN 2

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Konsep kerjasama paling penting sekali dalam pengurusan dan organisasi yang mementingkan pembangunan. Seperti yang kita semua tahu, dalam mana organisasi sekalipun, matlamatnya tidak dapat dicapai oleh satu atau dua orang sahaja, tetapi melalui kerjasama semua anggota organisasi itu. Inilah nilai yang terpenting oleh orang Melayu, secara sedar atau tidak, dalam budaya atau sosiologinya. Contohnya, gotong-royongnya. Walau bagaimanapun, nilai ini mula dimusnahkan melalui “pemodenan” yang dilambangkan organisasi korporat yang ditiru daripada Barat.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

LATIHAN 3

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Perbuatan mendera kanak-kanak adalah fenomena masyarakat modern yang meletakkan nilai material melebihi nilai kemanusiaan. Di masa lalu, perbuatan mendera dilakukan oleh ibu tiri untuk menunjukkan kekuasaannya sebagai isteri muda. Pada masa ini, mendera bukan hanya setakat merotan, memukul atau menampar sahaja tetapi juga menggunakan puntung rokok yang masih menyala, menumbuk, menyeksa, dicucuh dengan benda panas, dan berbagai cara seksaan yang sadis.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

LATIHAN 4

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembetulan.

Remaja memerlukan perhatian dan kasih sayang daripada keluarga. Bagi mereka yang diabaikan oleh keluarga melibatkan diri dengan rakan sebaya, melakukan pelbagai gejala sosial. Sememangnya, ada di antara mereka yang mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya. Mereka lakukan pelbagai aktiviti bersama kerana mereka takut kehadiran mereka akan ditolak oleh kumpulan rakan sebaya jika mengingkarinya. Akibatnya, ramai remaja-remaja ini yang mencuri, memecah rumah, merokok, menagih dadah, dan sebagainya. Ibu bapa sewajarnya saling faham-memahami situasi anak-anak mereka agar dapat mendidik mereka dengan sempurna. Perhatian dan kasih sayang yang secukupnya haruslah diberikan kepada mereka. Sesungguhnya, remaja inilah bakal pencorak masa hadapan negara.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

LATIHAN 5

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Malaysia, sebagai salah satu destinasi perlancongan memang menyeronokkan. Selain penduduknya yang pelbagai kaum, Malaysia kaya dengan keunikan yang tersendiri. Roti canai, rendang, maruku, kueteow dan ketupat adalah makanan yang istimewa di Malaysia. Di samping itu, Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum mempunyai budaya berbeza. Di Malaysia, para pelancong dapat menyaksikan. Terdapat pelbagai jenis tarian yang unik, antaranya ialah tarian Zapin, Singa, Ponggal, Inang dan bermacam-macam lagi. Kesemua aspek-aspek ini menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

LATIHAN 6

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Usaha membentaras gejala rasuah di kalangan anggota perkhidmatan awam tidak semudah seperti yang disangkakan oleh orang ramai. Sebenarnya, usaha itu memerlukan sanjungan daripada semua pihak, terutamanya orang ramai yang sering berurusan dengan kerajaan. Langkah Jabatan Perdana Menteri mempertunjukkan kod etika perkhidmatan awam amat dialu-alukan. Langkah yang jabatan lakukan itu merupakan sebahagian daripada usaha membendung gejala itu daripada merebak dan sekaligus dapat meningkatkan imej perkhidmatan awam.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

LATIHAN 7

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Tugas yang lebih sukar ialah memastikan bahawa kita sesungguhnya sedang melakukan sesuatu dan melakukannya dengan penuh bersungguhan dan kebijaksanaan untuk mengelakkan kemerosotan institusi keluarga kita di tengah-tengah proses kemodenan dan pertumbuhan masyarakat yang begitu pesat. Sayangnya, bukti-bukti yang dapat kita garap setakat ini menunjukkan bahawa pencapaian kita dalam hal ini bukan dapat dibanggakan sangat. Petanda-petanda tentang kucar-kacir nilai sosial, misalnya, terjelma pada tahap yang cukup membimbangkan. Kadar jenayah, salah guna dadah, dan kadar pengidap AIDS semakin bertambah.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

LATIHAN 8

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Perbincangan dan penyelidikan tentang kemiskinan telah menunjukkan perubahan yang signifikan terhadap kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah miskin diseluruh negara. Fokus pembincangan dan kajian-kajian ini lebih tertumpu kepada keluarga miskin di luar bandar. Walau bagaimanapun, kemiskinan di bandar bukan diabaikan. Kemiskinan di bandar perlu ditangani segera kerana boleh mewujudkan masalah sosial.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

LATIHAN 9

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembetulan.

Langkah Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) yang Malaysia ketuai, menggesa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan anggota Kuartet-PBB, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan Rusia supaya menghalang Israel dari mengeksploitasi keadaan semasa kematian Presiden Yasser Arafat adalah wajar. Hal ini kerana sekiranya Israel tidak di halang, pertumpahan darah akan berlaku dan mempersulitkan lagi usaha damai di rantau itu. Wakil Tetap Malaysia ke PBB telah menjelaskan yang Malaysia tetap menyokong perjuangan rakyat Palestin ke arah penyelesaian yang aman dan penubuhan negara Palestin yang merdeka. Harapan Malaysia agar kedua negara, Palestin dan Israel dapat hidup secara aman dalam lingkungan sempadan yang diiktiraf. Setiap buah negara yang menganggotai PBB perlu menyokong sebarang usaha perdamaian di rantau tersebut.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

LATIHAN 10

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Bahasa Melayu wajar dimartabatkan. Usaha ini perlu semua pihak gembelngkan tanpa prejudis. Sikap menganak tirikan bahasa Melayu ketika berinteraksi amat mendukacitakan. Bahasa sebenarnya memainkan peranan yang amat besar dalam menyatupadukan. Selain daripada menyatupadukan bangsa, bahasa juga melambangkan identiti serta kedaulatan negara. Kepentingan bahasa kedua, seperti bahasa Inggeris memang tidak dapat dinafikan, tetapi sebagai rakyat Malaysia kitalah yang perlu memartabatkan bahasa Melayu demi untuk keunggulan negara di persada antara bangsa.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

Latihan 11

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembetulan.

Bidang kurikulum dan kokurikulum saling berkait rapat antara satu dengan yang lain. Selain bidang kurikulum, kokurikulum juga penting sebagai agen pengimbang yang dapat mengengahkan potensi, bakat, kepimpinan, dan minat pelajar. Kokurikulum adalah merupakan wadah yang paling berkesan untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terutamanya dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, rohani, intelek, dan emosi. Dengan adanya aktiviti sukan, aktiviti persatuan, dan aktiviti badan beruniform, kemahiran berkomunikasi, daya kepimpinan, dan penajanaan idea dapat ditingkatkan. Aktiviti kokurikulum juga dapat menajanakan kreativiti dan memupuk kemahiran pelajar. Dengan itu, dapat menimba pelbagai ilmu tambahan. Oleh sebab itu, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memikirkan cara untuk memajukan lagi bidang kokurikulum kerana didapati semua kegiatan ini memberikan manfaat kepada pelajar selain menjadi syarat untuk ke universiti.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

Latihan 12

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembetulan.

Beberapa orang Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah telah berbincang tentang usaha untuk meningkatkan bilangan ahli-ahli persatuan tersebut. Selain melancarkan kempen kesedaran, pameran tentang pelbagai perkara yang berkaitan dengan sejarah tanah air akan diadakan menjelang sambutan Hari Ulang Tahun Kemerdekaan Negara tidak lama lagi. Pada masa yang sama, mereka bersetuju membaik pulih kawasan tanah perkuburan, termasuk sebuah bangunan peninggalan penjajah yang terletak di daerah itu. Pengabaian kawasan itu mungkin disebabkan saiznya yang kecil. Sebenarnya, bukan saiznya yang penting tetapi nilai sejarahnya. Generasi terdahulu tetap mengingati yang bangunan itu pernah menjadi tempat tentera Jepun menyiksa penduduk tempatan yang tidak mengikut telunjuk mereka. Aktiviti yang julung-julung kali diadakan ini juga dipercayai dapat menaikkan kesedaran orang ramai tentang nikmat kemerdekaan. Pihak penganjur juga akan akan menghadiahkan pengunjung yang bertuah dengan pakej percutian. Dengan usaha yang demikian, Persatuan Sejarah dilihat lebih “mesra orang ramai” dan mendorong mereka untuk menjadi ahli.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

Latihan 13 : STPM 2009

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembetulan.

Pengeluar mahupun pemborong perlu menimbangankan kepentingan minyak masak kepada pengguna dan bukan sepatutnya menaikkan harga minyak masak atas pelbagai alasan setelah mereka memperoleh subsidi daripada kerajaan semenjak bulan Januari yang lalu. Pengeluar mengaitkan kenaikan harga minyak masak dengan kenaikan harga petrol, upah membungkus, dan harga plastik peket yang digunakan. Oleh kerana itu, harga sekilogram minyak masak peket terpaksa dinaikkan kepada RM2,75 hingga RM3.00 sepeket berbanding dengan harga siling RM2.50 yang ditetapkan oleh kerajaan. Sehubungan dengan itu, kerajaan harus melipatgandakan usaha-usaha yang praktikal dan berkesan untuk menangani masalah ini.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

Latihan 14

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Seorang polis inspektor yang baru da bulan bertugas telah menceritakan keadaan di daerah itu kepada pemberita. Beliau menyatakan bahawa banjir itu berpunca daripada sebuah empangan yang pecah akibat gempa bumi yang berlaku di negara jiran. Untuk memudahkan orang ramai mengikuti perkembangan terkini, sebuah jawatankuasa petugas telah dibentuk. Jawatankuasa tersebut dikehendaki bertugas setiap hari, sebaliknya pada hari Jumaat.

Dalam kesibukan orang ramai membantu pihak keselamatan menyelamatkan mangsa, terdapat sesetengah pihak yang mengambil kesempatan mencuri barang-barang, terutamanya makanan dan pakaian. Pihak polis menyaki bahawa kegiatan tersebut dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Untuk mengawal keadaan di daerah itu memerlukan sukarelawan yang lebih banyak. Walau bagaimanapun, ekoran tertangkapnya beberapa penjenayah, kegiatan mencuri dapat dikawal.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

Latihan 15

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembetulan

Baru-baru ini, satu pertunjukan kebudayaan pelbagai kaum telah diadakan di dewan orang ramai. Badan bertanggungjawab untuk menganjurkan pertunjukan itu ialah Majlis Kebudayaan Kota. Pertunjukan dwitahunan itu berjaya menarik minat pelancong asing, selain rakyat pelbagai kaum di negeri itu. Sepanjang pertunjukan itu diadakan, beberapa adegan yang menarik dapat disaksikan. Kemunculan suatu lembaga di atas pentas ketika lampu dimalapkan amat menyeramkan penonton, terutama kanak-kanak. Lembaga itu agak tinggi tetapi badannya bukan besar sangat. Lembaga mirip manusia itu melontarkan sesuatu ke arah penonton yang mana berada berdekatan dengan pentas. Ketika para penonton menjerit ketakutan, tiba-tiba lembaga itu hilang daripada pandangan. Demikianlah persembahan yang kami dapat saksikan pada malam itu. "Nah, hebat sungguh!" komen seorang penonton yang berada di sebelah saya

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

Latihan 16

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan

Kerajaan kini berusaha melahirkan rakyat Malaysia yang berbudi bahasa. Sehubungan dengan itu, ibu bapa seharusnya mendidik anak-anak agar menghormati kepada ibu bapa dan orang yang lebih tua daripada mereka. Di sekolah pula, guru seharusnya memikirkan kaedah yang terbaik untuk melahirkan pelajar yang tidak bersikap anti-sosial. Sikap pelajar yang mementingkan diri sendiri tidak harus dibiarkan begitu sahaja. Manakala masalah kemerosotan disiplin pelajar perlu diangani secara bijaksana. Walau bagaimanapun, permasalahan tersebut dikaitkan dengan kegagalan ibu bapa dan masyarakat memainkan peranan mereka. Selain itu, punca tidak kurang pentingnya dalam hal ini ialah pengaruh rakan sebaya. Kedua faktor tersebut perlu dipandang serius oleh semua pihak untuk memastikan bahawa hasrat kerajaan bagi melahirkan rakyat yang berbudi bahasa akan menjadi kenyataan.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

Latihan 17

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Malaysia perlu berusaha menjadikan konsep “masyarakat berfikir” sebagai suatu agenda penting dalam pembangunan bangsa dan pembinaan negara. “Masyarakat berfikir” adalah asas penting bagi mencorakkan perubahan masyarakat maju di abad ke-21. Kemajuan material dan ekonomi yang negara kita miliki sepatutnya merintis perubahan yang lebih dinamis ke arah melahirkan “masyarakat berfikir”. “Masyarakat berfikir” ialah masyarakat yang berwibawa, produktif, berfikiran jauh, optimistik pada perubahan, bersifat demokratik, dan dapat membina serta mempertahankan nilai-nilai yang menjamin kesejahteraan anggota masyarakatnya. Masyarakat yang mempunyai tahap berfikir yang rendah merupakan masyarakat yang tidak mempunyai daya kekuatan, daya ketahanan psikologi, dan tidak dapat menentukan haluan perubahan untuk membangun, menghadapi cabaran, dan merintis kepada perubahan.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

Latihan 18

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Setiap orang pekerja Syarikat Y begitu gembira setelah mendapat ganjaran daripada pihak majikan. Bagi kakitangan yang belum menerimanya diminta menghubungi pihak pengurusan syarikat pada bila-bila masa. Ganjaran itu diberikan sebagai tanda penghargaan pihak majikan kepada kakitangan syarikat yang telah bersama-sama memajukan syarikat tersebut. Walaupun begitu, terdapat pihak tertentu yang mengatakan tindakan pihak pengurusan syarikat berkenaan adalah umpama ada udang di sebalik batu. Beberapa orang kakitangan pula menyatakan yang pemberian itu tidak perlu dijadikan isu. Golongan itu ternyata gembira dengan ganjaran tersebut dan melahirkan rasa kesyukuran kerana kesenangan yang mereka nikmati. Mereka juga berikrar untuk memajukan syarikat itu di samping menggembeleng tenaga untuk memperindahkan kawasan syarikat supaya kelihatan ceria. Kini, kakitangan syarikat berkenaan sedang membuat persiapan terakhir untuk menjayakan pameran barangan syarikat yang akan diadakan tidak lama lagi. Syarikat Y juga akan menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-12 pada akhir tahun ini

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

Latihan 19

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Pengangguran bukanlah masalah utama di negara ini seperti didakwa oleh pihak-pihak tertentu. Sebenarnya, isu yang mereka timbulkan itu berpunca daripada sikap sebahagian besar anak-anak muda yang terlalu memilih pekerjaan. Golongan ini mengharapkan kepada pihak kerajaan menyediakan pekerjaan kepada mereka dengan alasan bahawa mereka memiliki kelulusan. Jika demikian, mungkinkah pihak kerajaan dapat berbuat demikian kepada setiap orang belia di negara ini?

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

Latihan 20

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Universiti Panca Persada (UPP) adalah universiti berkembar yang terletak antara bandaraya pintar Cyberjaya dengan Seremban. Kini, UPP mempunyai lebih kurang 11 000 pelajar di kedua buah kampus, yang dilengkapi dengan infrastruktur teknologi maklumat yang bertaraf dunia. Pelajar dan kakitangannya menikmati aplikasi-aplikasi teknologi tanpa wayar yang pelajar universiti lain tidak dapat nikmati, antaranya penggunaan kad pintar, pentadbiran tanpa kertas, sistem pembelajaran multimedia, perpustakaan digital, dan sebagainya. Universiti ini telah mengadakan kerjasama dan aktiviti-aktiviti usaha sama secara meluas dengan syarikat-syarikat tempatan dan multinasional. Dengan adanya tenaga pengajar kelas pertama dan sokongan padu daripada kakitangan pentadbiran. Sesungguhnya UPP akan terus meneroka, menyelidik, dan menawarkan pendidikan berkualiti dan terbaik kepada pelajar.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

Latihan 21

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Sejak sedekad yang lalu, banyak lebuh raya telah dibina, di antaranya lebuh raya yang menghubungkan utara dengan selatan, dan yang menghubungkan timur dengan barat di Semenanjung. Pembinaannya telah dilaksanakan oleh syarikat-syarikat korporat dengan menelan berbillion ringgit. Pembinaan prasarana itu juga memanfaatkan pengguna kerana dapat menghubungi antara satu tempat dengan tempat yang lain dengan lebih cepat.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

Latihan 22

Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedulan.

Baru-baru ini, satu pertunjukan kebudayaan pelbagai kaum telah diadakan di dewan orang ramai. Badan bertanggungjawab untuk menganjurkan pertunjukan itu ialah Majlis Kebudayaan Kota. Pertunjukan dwitahunan itu berjaya menarik minat pelancong asing, selain rakyat pelbagai kaum di negeri itu. Sepanjang pertunjukan itu diadakan, beberapa adegan yang menarik dapat disaksikan. Kemunculan suatu lembaga di atas pentas ketika lampu dimalapkan amat menyeronokkan penonton, terutama kanak-kanak. Lembaga itu agak tinggi tetapi badannya bukan besar sangat. Lembaga mirip manusia itu melontarkan sesuatu ke arah penonton yang mana berada berdekatan dengan pentas. Ketika para penonton menjerit ketakutan, tiba-tiba lembaga itu hilang daripada pandangan. Demikianlah persembahan yang kami dapat saksikan pada malam itu. "Nah, hebat sungguh!" komen seorang penonton yang berada di sebelah saya.

BIL	KESALAHAN BAHASA	SEBAB KESALAHAN	PEMBETULAN

